

01/02/2003

Terlalu kenegerian (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui kini agak sukar untuk meletakkan calon bukan anak tempatan di sesuatu kawasan pilihan raya

kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang menebal.

Perdana Menteri berkata, pemilihan calon bukan anak tempatan dikatakan tidak begitu menepati selera pengundi di kawasan itu.

Selain itu, katanya, kini ramai yang berhempas pulas untuk dipilih sebagai calon, jauh sekali untuk menolak.

"Calon pilihan raya dulu tidak berhempas pulas untuk menjadi calon seperti sekarang.

"Saya masih ingat pemimpin dulu yang kebanyakan setakat mempunyai pendidikan sehingga darjah lima sekolah Melayu, satu tahap yang tinggi pada masa itu, sering memohon maaf menolak pelawaan menjadi calon kerana menganggap mereka tidak layak menjadi wakil rakyat.

"Malah, zaman dulu calon dari luar boleh diterima dengan baik.

Sekarang

ini, perkara sebegini adalah rumit sedikit. Orang tempatan selalu nak calon dari kampung mereka, jika tidak daripada rumah mereka sekurang-kurangnya dari kampung mereka.

"Kalau (calon) jauh sikit dari (kawasan) itu sudah tidak boleh diterima," katanya berucap melancarkan buku biografi Tan Sri Fatimah Hashim, 79 - wanita pertama dilantik sebagai menteri di Malaysia pada zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, di sini semalam.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana Fatimah yang berasal dari Muar, Johor bertanding di Kedah.

Fatimah mula bertanding di kerusi Parlimen Jitra-Padang Terap, kini dikenali sebagai Kubang Pasu, pada 1959 dan berjaya mengekalkannya pada pilihan raya umum 1964 dan 1969.

Beliau dilantik Menteri Kebajikan Am pada Mei 1969 hingga 1973 dan menjadi wanita pertama memperoleh gelaran Tan Sri.

Perdana Menteri berkata, rakyat Kedah tidak pernah bersungut untuk menerima Fatimah sebagai calon di Jitra dan menang dengan cemerlang sebanyak tiga kali pilihan raya.

Katanya, situasi itu menunjukkan sikap kenegerian atau kedaerahan tidak begitu kuat pada zaman dulu.

"Ini satu kebaikan kerana kita harus memberi tempat kepada sesiapa yang layak untuk berjuang," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga bertuah ke mewarisi kerusi Parlimen yang pernah diwakili Fatimah dan ia terus menjadi kubu kuat Umno.

"Saya menerima sesuatu kawasan yang jauh lebih baik daripada kawasan mula yang saya diberi peluang jadi calon. Saya menang pada 1964 di Kota Star Selatan dan 1969 saya kalah dan kalau saya balik ke Kota Star pun, mungkin juga saya kalah.

"Tetapi alhamdulillah, saya dijemput bertanding di Jitra dan sejak itu saya tidak pernah kalah. Malah buat kali pertama saya bertanding di situ,

saya menang tanpa bertanding.

"Saya bertuah mewarisi satu kawasan yang begitu selamat dan saya harap saya dapat memberi kawasan secara yang sama iaitu selamat bagi sesiapa yang bertanding di situ.

"Tetapi saya rasa amat terhutang budi kepada Tan Sri Fatimah kerana menjaga kawasan itu dengan begitu baik sehingga ia kekal sebagai kawasan kubu bagi Umno," katanya.